

1. Filem yang sedang ditayangkan di pawagam itu mendapat sambutan _____ kerana _____ dan ceritanya menarik sekali.

- ☐ A sejuk
- ☐ B panas
- ☐ C hangat
- ☐ D lembab

2. Ketua Kampung Idaman berasa kesal kerana kempen kitar semula yang dianjurkan mendapat sambutan yang _____ daripada penduduk kampung.

- ☐ A beku
- ☐ B sejuk
- ☐ C keras
- ☐ D dingin

3. Berat badan adik Nurul _____ setelah beberapa hari dia mengalami demam panas.

- ☐ A surut
- ☐ B kusut
- ☐ C susut
- ☐ D cengkung

4. Jari-jemari pengantin perempuan itu _____.

- ☐ A lebat
- ☐ B tebal
- ☐ C tinggi
- ☐ D runcing

5. Jessy sentiasa berdoa agar kedua-dua orang ibu bapanya berada dalam keadaan _____ dan sejahtera.

- ☐ A arif
- ☐ B maju
- ☐ C sihat
- ☐ D bersih

6. Umar menasihati rakan-rakannya supaya tidak berbuat _____, agar tidak mengganggu jiran tetangga.

- ☐ A lunak
- ☐ B bising
- ☐ C merdu
- ☐ D menarik

7. Manuskrip itu sukar dibaca kerana tulisannya sudah _____.

- ☐ A lusuh
- ☐ B kabur
- ☐ C suram
- ☐ D renyuk

8. Pembantu rumah itu dimarahi oleh majikannya kerana dia _____ ketika membua _____ a rumah.

- ☐ A cuai
- ☐ B jemu
- ☐ C bengis
- ☐ D curang



9. Perjalanan yang _____ itu menyebabkan Safrizal tertidur di dalam kereta.

- ☐ A jauh
- ☐ B rapat
- ☐ C dekat
- ☐ D hampir

10. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pembaca berita itu bukan sahaja _____ malah pintar orangnya.

- ☐ A elok
- ☐ B indah
- ☐ C kacak
- ☐ D bagus

11. Para pemandu dinasihatkan supaya berhati-hati ketika melalui kawasan bukit yang _____ itu.

- ☐ A curam
- ☐ B landai
- ☐ C kesat
- ☐ D licin

12. Warna kereta ibu semakin _____ kerana sering terdedah kepada cahaya matahari.

- ☐ A luntur
- ☐ B redup
- ☐ C pudar
- ☐ D hangus

13. Penyampai berita televisyen itu bukan sahaja bersuara _____ tetapi juga bijak dan berpenampilan menarik.

- ☐ A lunak
- ☐ B keras
- ☐ C serak
- ☐ D semerbak

14. Puan Rubinah menyediakan sebiji kek keju yang _____ untuk dihidangkan kepada tetamu.

- ☐ A gebu
- ☐ B kental
- ☐ C kenyal
- ☐ D mampat

15. Kanak-kanak itu sungguh _____ kerana dapat menyelesaikan apa-apa sahaja soalan Matematik yang diajukan kepadanya.

- ☐ A pintar
- ☐ B hodoh
- ☐ C cekap
- ☐ D berani

16. Bau yang sangat _____ ini daripada longkang yang tersumbat itu.

- ☐ A enak
- ☐ B buruk
- ☐ C busuk
- ☐ D wangi

17. Kain songket Terengganu itu sungguh mahal harganya kerana cara pembuatannya sangat _____.

- ☐ A tulus
- ☐ B telus
- ☐ C mahir
- ☐ D halus

18. Para penyokong pasukan bola jaring itu berasa _____ kerana peluang pasukan mereka untuk memenangi perlawanan itu semakin _____.

- ☐ A risau ... getir
- ☐ B cemas ... tipis
- ☐ C gentar ... runcing
- ☐ D bimbang ... lewat

19. Gulai ikan yang dimasaknya semalam sudah _____ kerana tidak dimasukkan ke dalam peti sejuk.

- ☐ A basi
- ☐ B hapak
- ☐ C tengik
- ☐ D hanyir

20. Alex kelihatan _____ apabila menjawab soalan-soalan yang sukar itu.

- ☐ A aman
- ☐ B damai
- ☐ C tenang
- ☐ D sentosa